

# Demokrasi masih sistem terbaik: PM

Oleh Kadir Dikoh **BH** 29 MAR 2000

PUTRAJAYA. Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemerintahan demokrasi masih kekal sebagai sistem terbaik walaupun negara pengamalnya tidak boleh mengguna pakai demokrasi liberal amalan Barat.

Sambil menggesa Pakistan, yang kini dikuasai tentera, kembali kepada pemerintahan awam, Perdana Menteri memberitahu Ketua Eksekutifnya, Jeneral Pervez Musharraf bahawa sistem demokrasi adalah jawapan terbaik bagi memperjuangkan nasib rakyat.

Musharraf yang mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir di pejabatnya di sini hari ini memberi reaksi positif kepada mesej Perdana Menteri apabila menegaskan, republik itu sekarang diperintah menggunakan pendekatan demokrasi dengan memberikan lebih banyak kebebasan, termasuk kebebasan akhbar.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam sidang akhbar selepas perbincangan kedua-dua pemimpin itu, berkata Dr Mahathir memberitahu Musharraf bahawa walaupun demokrasi ada kelemahannya, ia masih menjadi sistem yang terbaik.

“Dr Mahathir menegaskan demokrasi masih menyediakan jawapan terbaik untuk rakyat. Jeneral Pervez menyetujuinya dan menekankan bahawa beliau mahu kembali kepada pemerinta-

han awam,” kata Syed Hamid.

Musharraf memaklumkan kepada Dr Mahathir bahawa adalah menjadi hasratnya untuk mengembalikan semula sistem demokrasi di Pakistan.

“Musharraf juga menjelaskan beliau tidak berhasrat untuk kekal berkuasa selamlamanya. Beliau mahu melihat Pakistan kembali seperti biasa, stabil dan mahu pelan ekonomi dijayakan,” katanya.

Musharraf, yang tiba di sini semalam untuk lawatan kerja tiga hari, menggulingkan Perdana Menteri Nawaz Sharif pada 12 Oktober tahun lalu dalam satu rampasan kuasa.

Bagaimanapun, Ketua Turus Tentera Pakistan itu tidak memberitahu berapa lama tentera akan berkuasa di Pakistan.

Lima hari selepas menggulingkan Nawaz Sharif, Pervez mengumumkan penubuhan Majlis Keselamatan Kebangsaan untuk mentadbir negara dengan beliau sendiri menjadi ketua. Majlis itu menerajui sistem kerajaan tiga peringkat yang mengandungi kumpulan pemikir dan sebuah Kabinet.

Syed Hamid berkata, Musharraf juga menjelaskan kepada Dr Mahathir mengapa rampasan kuasa itu berlaku dan apakah matlamat

**LIHAT MUKA 2, RUANG 3**

## Musharraf jamin kestabilan

**DARI MUKA 1** **BH** 29 MAR 2000

serta tujuannya. Musharraf menyatakan ia terjadi tanpa dirancang dan atas kehendak rakyat.

Dalam pertemuan itu, Dr Mahathir memberitahu Musharraf bahawa walaupun beliau faham dengan situasi di Pakistan sekarang, akhirnya republik itu perlu kembali kepada sistem demokrasi menerusi pemerintahan awam.

Musharraf memberitahu Dr Mahathir bahawa beliau ingin mengembalikan kestabilan, mewujudkan pentadbiran baik dan memulihkan semula ekonomi di Pakistan dan selepas itu, akan

menyerahkan semula kuasa pemerintahan kepada pihak awam.

Mengenai hubungan Malaysia-Pakistan, Syed Hamid berkata Kuala Lumpur terikat dengan keputusan Komanwel menggantung segala kegiatan Pakistan dalam pertubuhan itu.

Bagaimanapun, semua negara anggota Komanwel, termasuk Malaysia masih mempunyai hubungan diplomatik dengan Pakistan.

“Jadi, bila ada perhubungan diplomatik, kita mest memastikan hubungan diplomatik itu sentiasa terkawal dan terjamin,” katanya.

Beliau berkata, Musharraf juga memberitahu Dr Mahathir bahawa Pakistan melihat Malaysia sebagai contoh dan negara ini sedia berkongsi pengalaman serta maklumatnya mengenai pembangunan ekonomi dengan Pakistan.

Syed Hamid juga berkata, Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Pakistan yang dijadualkan tahun lalu tetapi ditangguhkan berikutan rampasan kuasa tentera itu, akan diadakan di Pakistan tidak lama lagi.

Ditanya sama ada Malaysia mengiktiraf pemerintahan Musharraf, Syed

Hamid berkata: “Saya fikir tidak ada kerajaan dalam Komanwel tidak mengiktiraf kerajaan Pakistan kerana tidak ada negara yang memutuskan perhubungan diplomatik dengan Pakistan.”

“Namun, keputusan kita ialah Pakistan kembali kepada pemerintahan awam sementara kita meneruskan hubungan dua-hala,” katanya.

Kumpulan Tindakan Menteri-Menteri Komanwel yang Malaysia menjadi anggotanya, akan mengawasi keadaan di Pakistan dan mengemukakan satu laporan kepada pertubuhan itu.